

NO SOALAN : 26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 2 NOV 2016
(RABU)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kedudukan sekolah Pertukangan Perantis Tentera Darat/ Sekolah Pertukangan Perantis Angkatan Tentera akan diteruskan atau akan diubah kepada versi baru yang dapat membantu memenuhi keperluan sumber manusia ATM untuk sepuluh hingga 40 tahun akan datang sebagaimana SPPTD telah sumbangkan kepada ATM sejak ditubuhkan pada tahun 1968 oleh Menteri Pertahanan Almahrum Tun Hji Abdul Razak Hussein ketika itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bermula tahun 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan program Kolej Vokasional (KV) di bawah Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional. Mulai tahun tersebut, KPM telah menjumudkan kurikulum yang digunakan di Sekolah Pertukangan Perantis Tentera Darat (SPPTD) iaitu Mata Pelajaran Aliran Vokasional melalui Pelan Transformasi yang telah diperkenalkan.

Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Tahun 2013 telah mensasarkan kemasukan utama kepada perkhidmatan teknikal Tentera Darat (TD) diperolehi secara terus melalui kelayakan di peringkat diploma dalam bidang Tugas Khusus (Kejuruteraan) dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dan ke atas. Pembekalan sumber manusia daripada Perajurit Muda sehingga kini telah memenuhi dan menepati kehendak TD kerana memiliki kelayakan teknikal/vokasional yang berkaitan dan diploma dari pelbagai bidang.

Perajurit Muda yang memiliki kelayakan akademik diploma dalam bidang Tugas Khusus (Kejuruteraan) serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dan ke atas yang telah dipilih memasuki Kor Jurutera Letrik dan Jentera Diraja (KJLJD) akan menghadiri kursus penyesuaian (conversion course) bagi penggunaan peralatan/teknologi kejuruteraan ketenteraan.

Bagi menjayakan *conversion course* tersebut, aset kekal, alat bantuan latihan dan fasilitas SPPTD dikekalkan di Institut Kejuruteraan Tentera Darat (IJED) dan dinaiktaraf dari semasa ke semasa selari dengan penambahbaikan sistem latihan sedia ada bagi memenuhi keperluan modal insan yang kompeten dengan peralatan kapital TD. Berdasarkan kepada alasan tersebut, SPPTD tidak akan diteruskan dan dijumudkan.